MAHATHIR-ARAHAN '''

1984

PETALING JAYA, 13 MAC (BERNAMA)-- KERAJAAN TELAH MENGELUARKAN ARAHAN MELARANG SEMUA JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN DARIPADA +MENCURI+ PEGAWAI ATAU KAKITANGAN DARIPADA JABATAN LAIN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

ARAHAN ITU DIKELUARKAN KERANA MASIH ADA JABATAN ATAU AGENSI KERAJAAN YANG BERBUAT DEMIKIAN, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PENCHANTARAAN PELATIH-PELATIH KE JEPUN DI BAWAH SKIM LATIHAN ANJURAN GKM (GABUNGAN KONTRAKTOR MELAYU) DEVELOPMENT SDN. BERHAD DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN AKAN MEMPEKETATKAN LAGI PERATURAN PEMINDAHAN PEGAWAI DARIPADA SATU JABATAN KE SEBUAH AGENSI YANG LAIN. SETIAP PEMINDAHAN MEMERLUKAN PERSETUJUAN JABATAN ATAU AGENSI BERKENAAN, KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PERATURAN ITU BUKAN UNTUK MENGHALANG PERPINDAHAN PEGAWAI DARIPADA SEBUAH BADAN KERAJAAN KE JABATAN LAIN TETAPI SEMATA-MATA UNTUK MENGELAKKAN PERBUATAN +MENCURI+ KAKXTANGAN DENGAN MENAWARKAN CAJI LEBIH TINGGI.--LAGI 1347/PA

MAHATHIR-ARAHAN 2 PETALING JAYA

BELIAU JUGA MENASIHATKAN PIHAK SWASTA MENCONTOHI LANGKAH TERSEBUT DENGAN MENGHENTIKAN PERBUATAN +MENCURI+ KAKITANGAN DARIPADA PERUSAHAAN LAIN.

BELIAU LALU MENGINGATKAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG SUKA MENCURI PEKERJA BAHAWA MEREKA JUGA AKAN MENGALAMI NASIB YANG SAMA.

MENGENAI DASAR PANDANGAN KE TIMUR, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TUDUHAN BAHAWA DASAR TERSEBUT HANYA MENGUNTUNGKAN KONTRAKTOR JEPUN HENDAKLAH DIHENTIKAN.

KATANYA PERLAKSANAKAN OASAR TERSEBUT TIDAK ADA KENA MENGENA DENGAN KEJAYAAN KONTRAKTOR JEPUN MEMPEROLEHI TAWARAN MENGENDALIKAN PROJEK-PROJEK BESAR DI NEGARA INI.

TUDUHAN ITU MERUPAKAN RINTIHAN KONTRAKTOR BESAR YANG SAMA BUNYINYA DENGAN RINTIHAN KDNTRAKTDR KECIL DI MASA LALU, KATA BELIAU.

SEBALIKNYA DENGAN PERLAKSANAAN OASAR PANDANG KE TIMUR ITU KONTRAKTOR BUMIPUTERA DAPAT MEMPELAJARI TEKNOLOGI BARU MELALUI USAHASAMA DENGAN KONTRAKTOR ASING BAGI MENINGKATKAN KEMAMPUAN MASING-MASING BAGI MEREBUT PELUANG LEBIH 8ESAR DALAM PEMBANGUNAN NEGARA, KATA BELIAU.

ADA KONTRAKTOR-KONTRAKTOR KECIL YANG SUDAH MENJADI BESAR DAN MAMPU MENGELUARKAN BAHAN-BAHAN BINAAN SENDIRI, KATANYA.

-- LAGI 1403/LK

NNNN

ZCZC 8560

MAHATHIR-ARAHAN 3 PETALING JAYA

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENASIHATKAN 15 ORANG PELATIH TERSEBUT -- 13 JURUTERA AWAM, SEORANG JURUUKUR BAHAN DAN SEORANG PEGAWAI PENTADBIR -- MENGHADAPI LATIHAN MASING-MASING DI JEPUN MESKIPUN MEREKA AKAN MENGHADAPI CARA DAN NILAI HIDUP BERLAINAN SEMENTARA DISIPLIN LATIHAN MUNGKIN LEBIH KETAT.

MEREKA HARUS SANGGUP BERKORBAN DAN TIDAK MUDAH TERSINGGUNG ATAU KECEWA SEMASA BERADA DI SANA, KATANYA.

BELIAU MENASIHATKAN MEREKA MEMBERIKAN KHIDMAT DAN TAAT SETIA SEPENUHNYA KEPADA SYARIKAT MASING-MASING APABILA PULANG DARIPADA KURSUS NANTI.

MEREKA HARUS SANGGUP MENERIMA TEGURAN DEMI KEBAIKAN MEREKA SENDIRI DAN KEBAIKAN PERUSAHAAN, KATANYA.

KERAJAAN, KATANYA, MENCANGGAP SEBARANG TEGURAN BUKAN SEBAGAI KEJIAN SEBALIKNYA SEBAGAI SATU MAKLUM BALAS BAGI MEMPERBAIKI LAGI KHIDMATNYA KEPADA RAKYAT.

MAHATHIR-ARAHAN 4 PETALING JAYA

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYERU SEKTOR SWASTA SUPAYA LEBIH AGRESIF DALAM USAHA MEREBUT PASARAN DI LUAR NEGERI.

KATANYA, SEMASA DI NEW YORK TAHUN LALU BELIAU TELAH DITANYA APAKAH JENIS-JENIS BARANGAN YANG DAPAT DITAWARKAN OLEH MALAYSIA DI PASARAN NEGARA ITU.

PARA USAHAWAN MALAYSIA PADA UMUMNYA LEBIH CENDERUNG MEMBUAT SESUATU BARANG APABILA ADA PASARAN SAHAJA, DAN TIDAK MEMBUAT SESUATU TERLEBIH DAHULU DAN KEMUDIANNYA MENCARI PASARAN DI LUAR NEGERI.

AKIBATNYA, MALAYSIA SENTIASA KETINGGALAN KERANA PASARAN BAGI SESUATU BARANG ITU DIREBUT OLEH NEGARA LAIN.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN PUAN NAPSIAH OMAR DAN DUTA BESAR JEPUN KE MALAYSIA, ENCIK AKITANE KUICHI.

-- BERNAMA 1426/LK